

TOPIK 3 : Mengantisipasi sebab sebab kemunduran dalam dakwah.

Tarbiyah merupakan jalan menuju perubahan. Jalannya berat melebihi beratnya gunung Uhud, Usianya lebih panjang dari umur manusia, dan satu hakikat yang kita perlu fahami ialah berdakwah tidak untuk dinikmati hasilnya di dunia. Dan semestinya ada aral yang melintang dan para pendokong taghut yang sentiasa melarikan pencinta kebenaran dari jalan yang dilalui ini.

*Dalam dakwah,
Ada yang telah gugur syahid,
Ada yang tercicir kerana tersalah orientasi dan tujuan,
Ada yang ketinggalan kerana tidak mahu bergerak bersama gerabak dakwah,
Ada yang menarik diri dan keluar,
Ada yang melemparkan batu-batu pengkhianatan buat pendukung dakwah.*

Namun ingatlah sama sekali bukan dunia yang kita cari, perlu kita sedari dan insafi bahawa dunia ini adalah fasiliti untuk merealisasikan impian dan tujuan-tujuan dakwah. Hanya yang benar- benar berkarakter kuat, berstamina ruhiyyah yang ampuh, boleh meraih sasaran dakwah secara tepat!

Walaupun demikian ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian khusus agar tarbiyah dzatiah dapat berjalan dengan baik. Ada beberapa perkara yang boleh menjadi penyebab gagalnya tarbiyah:

- ❖ **Kemalasan , menunda-nunda atau berlambat-lambat dalam beramal.** Ini bukan kerana kekurangan prasarana namun ini adalah masalah TIDAK SERIUS dalam mengelola prasarana.
- ❖ **Tidak mahu mengambil ibrah dan pelajaran.** Seheinggakan kalah dalam menghadapi ujian yang sama berulang kali.
- ❖ **Berlebih lebihan , melampaui batas dalam perkataan dan perbuatannya.** Terlalu optimis tanpa kenal potensi sebenar, bergerak tanpa rencana, bekerja tanpa evaluasi diri. Menyebabkan seseorang hilang nikmat dalam melaksanakan urusan-ususan dakwah. Maka besederhanalah dan bertindak sesuai dengan keperluan.
- ❖ **Lemah motivasi diri dan komitmen beramal.** Disebabkan dengan kurangnya ilmu dan kurangnya belajar!
- ❖ **Terjebak dengan paradigma kontroversi** sehingga menjadikan dia kalah dan tidak mampu merubah keadaan. Selalunya yang terjebak dalam kontroversi ini tidak memiliki persepsi, prinsip dan visi hidup yang jelas lau menjadi sasaran musuh-musuh islam.
- ❖ **Menyandarkan amal diri dengan tokoh tertentu.** Ini melahirkan individu yang taatnya hanya pada tokoh bukan pada nilai-nilai islam sehingga bertaqlid buta kerana justifikasi hanya tertumpu kepada *figure* tertentu sahaja. Maka, wahai pemuda, jadilah pemuda yang berprinsip! Jika mahu mengambil teladan, ambillah daripada rasulullah yang jelas tanda-tanda husnul khotimahnyanya.
- ❖ **Kurang kerjasama, miskin inovasi dan mengamalkan dasar tutup pintu.** Kerana kurangnya keterbukaan, dirinya menjadi peribadi misteri dan tidak mambu bekerja dan bermusyawarah dengan jemaah.
- ❖ **Tidak mampu melihat peluang dan memanfaatkan momentum.** Bila berada dalam satu situasi yang sukar, mereka tidak mampu menjadikan ia sebagai peluang meluaskan dakwah.

Maka setiap kader-kader dakwah perlulah manghilangkan kemungkar dalam jiwa sebelum menyeru jiwa-jiwa kepada makruf, nahi mungkar. Bersihkan hati sebelum melangkah dan majukan langkah

dengan teladan sebelum ucapan. Soleh sebagai penentu kemenangan, bila akhlak meningkat, hati kian jernih, istighfar dibanyakkan, taubat berterusan, maka, kemenangan akan menjadi semakin hampir.

Umar al Khattab menasihati pasukan muslimin agar bertaubat sebelum bertempur di medan perang. Abu Darda' menyeru pasukan muslimin "wahai kaum muslimin, kerjakan amal soleh sebelum kalian berperang kerana kalian berperang bersenjatakan amal-amal soleh kalian.

Maka sebagai kader dakwah, kita seharusnya mengenalpasti hambatan-hambatan yang boleh menyebabkan kita tersungkur di medan dakwah dan berusaha menghapus ciri-ciri kegagalan dengan pemahaman mendalam dan keunggulan amal.